



AROWANA seakan-akan tersenyum yang dimiliki Khairul Anuar.

**Kuala Terengganu:** “Berapa pun harga yang ditawarkan, saya tidak akan menjual ikan arowana istimewa dan unik itu,” kata Khairul Anuar Saat.

Khairul Anuar, 38, dari Kampung Alor Lit, Bukit Payong di sini, adalah pemilik ikan arowana super red yang cacat pada bahagian mulut seakan-akan sedang tersenyum yang tular di media sosial.

Menurutnya, ramai peminat ikan arowana dari seluruh negeri menghubungi untuk membeli ikan istimewa itu sejak ia mula tular di media sosial.

“Paling tinggi ikan (arowana) itu ditawarkan pada harga RM15,000 oleh seo-

HM 9/8/2022 MS:13

## Arowana ‘senyum’ ditawar RM15,000

rang peminat arowana super red berbangsa Cina. Sehingga kini, saya masih menyayangi ikan itu dan ingin membelanya.

“Saya membeli ikan arowana itu di Indonesia kira-kira dua tahun lalu dengan harga RM9,500 seekor. Ketika itu ia hanya bersaiz sembilan inci (22.86 sentimeter),” katanya ketika ditemui di rumahnya di sini, semalam.

Katanya, ikan arowana istimewa itu pernah mendapat tempat ketiga terbaik da-

lam pertandingan ikan arowana super red kategori unik di Indonesia sebelum ini.

“Bukan senang untuk jumpa dan memiliki ikan arowana yang istimewa seperti itu kerana ia diminati ramai dan harganya lebih mahal berbanding ikan biasa.

“Saya juga sanggup membeli ikan arowana istimewa itu dengan harga tinggi kerana yakin ia boleh dijual lebih mahal pada masa akan datang,” katanya.